

**APLIKASI TEKNOLOGI DI DALAM PROSES PENGAJARAN DAN  
PEMBELAJARAN SUBJEK PENGAJIAN ISLAM BERASASKAN MASALAH  
(PBL): SUATU PERKONGSIAN, ANALISA DAN ASPEK CABARAN  
SEMASA DI UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

*Oleh:*

Dr. Rafiuddin Afkari Hj. Abdul Fattah  
Dr. Md Akbal bin Abdullah  
Penyelidik Pusat Insan  
Jabatan Pengajian Islam dan Sains Sosial  
Fakulti Sains Teknologi dan Pembangunan Insan  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Dr. Halimi Bte M. Khalid  
Hj. Shakila Binte Ahmad ddin  
Fakulti Sains Teknologi dan Pembangunan Insan  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Khaeruddin  
Siti Marfuah  
Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

## **1.0 PENGENALAN**

Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, subjek Pengajian Islam merupakan antara matapelajaran wajib universiti yang dikendalikan oleh pensyarah di bawah Panel Bidang Pengajian Islam, Jabatan Pengajian Islam dan Sains Sosial. Di awal penawaran matapelajaran tersebut tahun 2001 untuk Subjek Pengajian Islam, pendekatan syarahan digunakan bagi menyampaikan kandungan matapelajaran.

Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Pengajian Islam di UTHM adalah bidang ilmu yang amat penting pada masa kini di mana sahaja, sama ada kepada pelajar khususnya dan umat Islam sendiri mahu pun kepada non-muslim. Hal ini disebabkan beberapa faktor. Antara yang patut dinyatakan adalah; i) antara masalah utama umat Islam pada masa kini di seluruh dunia adalah masalah kelemahan dalam bidang kurangnya pemahaman, penghayatan dan pengamalan ilmu Pengajian Islam yang bersumberkan pada al-Quran dan al-Sunnah; ii) masalah antara umat Islam dengan dunia Barat antara lain disebabkan salah faham dan persepsi terhadap umat Islam sehingga munculnya pelbagai idea termasuk *Islam Fobia* yang justeru akan menepis pandangan negatif Barat dan non-muslim terhadap Islam; iii) Pemahaman, penghayatan dan

pengamalan terhadap Pengajian Islam di UTHM harus diperhebahkan dan diperhebatkan lagi berbagai konsep, teori dan aplikasinya sehingga melahirkan mahasiswa yang unggul dan matang dari segi pemikiran dan akidah.

Bermula tahun 2006 pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) atau *Problem Based Learning* (PBL) telah digunakan bagi melaksanakan pembelajaran berpusatkan kepada pelajar (*Student Centerd Learning*). Pada peringkat awal ia dilaksanakan tanpa berpandukan kepada modul yang khusus kerana jumlah pelajar yang ramai bagi satu masa dan kemudahan dewan kuliah yang terhad menyukarkan pensyarah melaksanakan modul PBL yang diperkenal dalam sesi latihan yang dijalankan oleh Pusat Pengajaran dan Pembelajaran Universiti.

Pada tahun 2009 sebuah modul PBL telah disusun dengan mengambilkira kekangan yang ada dan ia digunakan oleh hampir semua pensyarah yang mengajar Pengajian Islam.

Hasil dari pelaksanaan modul tersebut didapati pendekatan PBL ini telah membuka ruang kepada pelajar mengaplikasi dan menggunakan teknologi dalam melaksanakan tugas yang diberi.

Sehubungan itu, Subjek Pengajian Islam memainkan peranan yang amat penting dalam membina kefahaman Islam yang betul, benar dan baik, sama ada di kalangan pelajar UTHM khasnya dan umat Islam atau orang bukan Islam pada amnya. Pengajian ini, selain dapat berfungsi sebagai pendefinisi atau pentakrif kepada umat Islam, ia juga dapat mengelakkan salah faham dan tidak kefahaman non-muslim yang boleh membawa kepada pertembungan agama dan peradaban. Berasaskan kesedaran ini, kertas kerja ini cuba untuk melihat realiti Pengajian Islam di UTHM. Ia juga akan menganalisis cabaran, isu semasa dan mengemukakan prospek Pengajian Islam di Malaysia

## **2.0 KONSEP PENGAJIAN ISLAM**

Pengajian Islam adalah bukan suatu bidang ilmu baru. Istilah “Pengajian Islam” itu sendiri adalah bukan istilah yang baru. Hal ini amat jelas apabila tidak dapat ditemui sebuahpun karya *turath* Islam yang bertajuk “*al-'Aqidah al-Islamiyyah wa usuluha*”

atau mengandung istilah tersebut dalam tajuknya. Sehubungan itu, Pengajian Islam memerlukan konsepsi yang jelas sebelum boleh dijadikan suatu bidang pengajian.

Dalam hal ini Al-Maydani, 'Abd. Al-Rahman Hasan Habannakah mendefinisikan pengajian Islam sebagai asas utama peraturanan dan panduan hidup (ad-deen) oleh para ulama Muslim untuk menghuraikan Islam berdasarkan sumbernya yang asli iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah. Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan mendefinisikannya sebagai suatu cara hidup dimana agama adalah suatu sistem yang mengandungi peraturan yang menyeluruh, undang-undang yang lengkap dalam semua urusan hidup manusia untuk mereka menerima dan mengamalkannya secara total dengan cara :

1. Mentaati dan mematuhi segala perintahNya (suruhan dan larangan)
2. Memahami bahawa peraturan yang ditentukan oleh Islam bersesuaian dengan fitrah manusia
3. Menerima dan mengamalkan secara total segala perintah dan peraturan Islam dalam kehidupan
4. Menjadikan Islam sebagai undang-undang dan peraturan yang lengkap dalam semua urusan kehidupan

Kesempurnaan seseorang muslim bergantung kepada sejauhmana kepatuhannya kepada perintah dan peraturan yang ditetapkan oleh Islam. Sebagaimana firman Allah dalam surah al-Baqarah, ayat 208 :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ادْخُلُوا فِي السِّلْمِ كَآفَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ  
عَدُوٌّ مُّبِينٌ.

Maksudnya: *“Wahai orang-orang beriman, masuklah kamu ke dalam agama Islam (dengan mematuhi) seluruh hukum-hukumnya. Jangan kamu mengikuti langkah-langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagimu*

Terdapat banyak ayat dalam al-Quran yang menyebut Islam sebagai ad-Deen. Antaranya :

Firman Allah dalam surah al-Maidah, ayat 3:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيْتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

Maksudnya: *“Hari ini Aku telah sempurnakan agama kamu dan telah sempurnakan kepadamu nikmatKu dan Aku telah redha Islam itu menjadi agama untuk kamu”*

Setiap apa yang dilahirkan oleh pemikiran kaum Muslim sejak perutusan Rasulullah hingga kini tentang pandangan hidup umum (*al-ma'arif kawniyyah, world view*) yang berhubungan dengan Allah SWT, alam dan manusia. Dengan itu, dapat

dirumuskan bahawa konsep pengajian Islam meliputi beberapa aspek, iaitu; i) Islam sebagai ad-deen bersumberkan nas wahyu iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah; ii) Sumber rujukan dalam Islam; iii) Pengajian Ulum Al-Quran dan Ulum Al-Hadith; iv) Aqidah Ahli Sunnah wal-Jamaah; v) Aliran pemikiran aqidah dan perbahasannya; vi) Perkembangan mazhab fiqh dan perbahasannya; vii) Prinsip muamalat Islam; viii) Maqasid Syariah dan undang-undang jenayah Islam; ix) Etika kerja Islam; dan x) Undang-undang kekeluargaan Islam.

Seterusnya, perlu difahami bahawa pengajian Islam bukan sekadar pengajaran-pembelajaran namun sangat menekankan aspek penghayatan ilmu yang disampaikan secara mendalam. Dengan itu, Pengajian Islam bukan sekadar syarahan semata-mata daripada pensyarah kepada pelajar atau mahasiswanya dalam bentuk sehalu. Malah pengajian melibatkan gerak kerja aktif pelajar menyelidiki dan meneliti serta perlunya penghayatan lebih mendalam daripada pelbagai sumber tentang topik perbahasan ilmu Pengajian Islam.

Daripada kefahaman tersebut, maka pengajian melibatkan sekurang-kurangnya empat elemen utama, iaitu; i) Ilmu yang diajar iaitu topik-topik dalam skop pengajian Islam, ii) Metodologi pengajian, sama ada kuliah syarahan, perbincangan tutorial, tugas penyelidikan dan penulisan laporan, pembentangan hasil kajian, kuis, menduduki peperiksaan/ujian dan sebagainya, serta termasuk dalam hal ini adalah sumber-sumber ilmu pengajian Islam, khususnya buku, para ilmuwan Islam yang masih hidup, seminar-seminar berkaitan dengan Pengajian Islam semasa dalam pelbagai saluran, iii) Pelajar, dan iv) Pengajar.

### **3.0 PENGENALAN KAEDAH PEMBELAJARAN BERASASKAN MASALAH (PROBLEM BASE LEARNING)**

Pembelajaran Berasaskan Masalah merupakan kaedah pembelajaran melalui penyelesaian masalah. Pelajar akan dapat memahami kandungan kursus sepanjang perbincangan bersama ahli kumpulan dalam menyelesaikan masalah yang dikemukakan. Kaedah ini menjadikan pelajar lebih berdikari sekaligus membentuk

fikiran yang kreatif dan kritis tanpa terikat dengan nota dan pandangan pensyarah. Ia juga dapat mengukuhkan kemahiran pelajar dalam mempelajari sesuatu prinsip, konsep dan menggunakan maklumat dalam pelbagai situasi. Di samping itu memberi ruang kepada pelajar mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran teknologi terkini dalam pengumpulan dan pemilihan informasi serta pembentangan data dan laporan ilmiah. Pelajar juga belajar bekerja dalam kumpulan yang memerlukan mereka menyumbang idea dan tenaga serta bersifat terbuka semasa perbincangan.

Semasa proses pembelajaran menggunakan kaedah PBL ini pensyarah akan berperanan sebagai fasilitator yang membimbing perbincangan pelajar dalam kelas atau sekiranya perlu di luar kelas serta semasa pembentangan laporan.

Semasa proses pembelajaran menggunakan kaedah PBL ini secara umumnya pelajar dibimbing dengan menggunakan jadual yang dikenali sebagai FILA (rujuk jadual 1).

JADUAL FILA			
FAKTA (Facts)	IDEA (Ideas)	ISU PEMBELAJARAN (Learning issues)	TINDAKAN LANJUT (Action)
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Apakah fakta-fakta yang ditunjukkan secara jelas di dalam masalah yang diberikan.</li> </ul> <p>(senaraikan)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Apakah idea-idea berkaitan hasil daripada fakta yang telah disenaraikan tersebut</li> </ul> <p>(senaraikan)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Apakah aspek-aspek yang boleh dipelajari daripada idea-idea yang telah disenaraikan tersebut ...</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Apa tindakan yang perlu dibuat untuk pembelajaran cth:</li> <li>• Buku-buku</li> <li>• Observe</li> <li>• Survey</li> <li>• Internet</li> <li>• Video clips</li> </ul>

Jadual 1

Pelajar perlu mengisi jadual tersebut sepanjang membincangkan satu masalah atau *trigger* yang telah dikenalpasti mempunyai hubungan dengan kandungan matapelajaran. *Trigger* boleh berbentuk gambar, video, keratan akhbar, artikel dan sebagainya. Setelah berjaya mengisi jadual tersebut maka pelajar akan memilih satu isu atau persoalan yang menjadi punca utama bagi masalah tersebut. Isu berkenaan perlu diselesaikan melalui penyelidikan dan penerokaan yang bersistematik. Ketika menjalankan penyelidikan pelajar sekaligus dapat menguasai kandungan matapelajaran.

#### 4.0 MODUL PANDUAN PBL UNTUK DAN PENGAJIAN ISLAM

Proses pembelajar menggunakan kaedah PBL diperkenal amat sesuai bagi matapelajaran yang berbentuk teknikal dengan jumlah pelajar yang kecil (kurang dari 30 orang). Bagaimanapun Pengajian Islam di UTHM merupakan matapelajaran berasaskan kandungan (*content based*) yang memerlukan pelajar memahami, mengingat dan menguasai fakta-fakta tertentu. Dalam masa yang sama jumlah pelajar dalam setiap satu pertemuan agak besar (antara 60 hingga 100 orang).

Oleh itu satu modul dibina dengan mengambil kira kekangan yang dihadapi (rujuk jadual II). Modul ini mempunyai serampang dua mata, objektif kaedah PBL dapat dicapai dan kandungan matapelajaran dapat dikuasai oleh pelajar dengan baik.

<b>Minggu 1</b>	
<b>Aktiviti</b>	<b>Tindakan</b>
Penerangan silabus matapelajaran dan disiplin kelas.	Pensyarah
Penerangan pengertian dan aktiviti PBL.	Pensyarah
Pembahagian pelajar kepada 8 kumpulan ( <i>Ice breaking</i> , sesi pengenalan, pemilihan ketua kumpulan, kenalpasti peranan masing-masing.)	Ketua dan ahli kumpulan.
Pengagihan tajuk kuliah minggu 3 hingga 10 kepada kumpulan untuk dibentang dan dibincangkan pada minggu 3 hingga 10 sebagai tugas 1.	Pensyarah dan pelajar

Kuliah dan perbincangan tajuk minggu 1	Pensyarah dan pelajar
Mengadakan perbincangan dalam kumpulan selama 2 jam di luar kuliah. Menyiapkan bahan pembentangan dan mendapatkan <i>trigger</i> yang sesuai dengan tajuk. Setiap kumpulan mesti menghantar laporan perbincangan dan aktiviti yang telah dijalankan.	Ketua dan ahli kumpulan.
<b>Minggu 2</b>	
<b>Aktiviti</b>	<b>Tindakan</b>
Penerangan aktiviti PBL (penggunaan jadual FILA)	Pensyarah
Pembentangan <i>trigger</i> .	Ketua dan ahli kumpulan
Kuliah dan perbincangan tajuk minggu 2	Pensyarah dan pelajar
Mengadakan perbincangan dalam kumpulan selama 2 jam di luar bilik bilik kuliah. Menyiapkan bahan pembentangan dan mengisi jadual FILA. Setiap kumpulan mesti menghantar laporan perbincangan dan aktiviti yang telah dijalankan.	Ketua dan ahli kumpulan.
<b>Minggu 3 hingga 10</b>	
<b>Aktiviti</b>	<b>Tindakan</b>
Pembentangan dan perbincangan tajuk kuliah mengikut silabus yang telah ditetapkan.	Ketua dan ahli kumpulan. Pelajar.
Ulasan Pensyarah	Pensyarah
Pembentangan jadual FILA.	Ketua dan ahli kumpulan.
Perbincangan tajuk untuk tugas 2.	Pensyarah, ketua kumpulan, ahli kumpulan dan pelajar.
2 jam seminggu pembelajaran di luar bilik kuliah untuk mendapatkan bahan bagi menyempurnakan tugas 2.	Ketua dan ahli kumpulan.
Menghantar tugas 2 satu minggu sebelum pembentangan (berpandukan tarikh pembentangan kumpulan). Setiap kumpulan mesti menghantar laporan aktiviti yang telah dijalankan.	Ketua dan ahli kumpulan.
<b>Minggu 11 hingga 14</b>	
Pembentangan dan perbincangan tugas 2.	Ketua dan ahli kumpulan.
Ulasan Pensyarah	Pensyarah

Jadual 2

## 5.0 PENEROKAAN TEKNOLOGI MELALUI KAEDAH PBL

Melalui kaedah PBL yang menggunakan modul baru tersebut pelajar perlu menyiapkan 2 tugas dan membuat 2 pembentangan. Dalam menyiapkan tugas tersebut pelajar diberi kebebasan untuk menggunakan kemudahan teknologi terkini agar ianya dapat dipersembahkan dengan baik.

Bagi tugas 1 pelajar perlu menyiapkan laporan yang mengandungi maklumat setiap ahli kumpulan seperti; gambar, nama, kursus, no matrik, falsafah hidup dan sebagainya, slide pembentangan yang telah dicetak, bahan-bahan tambahan yang berkaitan tugas seperti artikel dan gambar, *trigger*, jadual FILA serta cd rom yang mengandungi semua maklumat tersebut. Didapati tugas tersebut dapat dipersembahkan dengan baik dan pelajar telah menggabungkan penggunaan teknologi terkini bagi menyiapkan laporan serta mendapatkan maklumat. Antaranya;

- (i) menggunakan rakaman video sebagai *triggre*, dari 8 kumpulan bagi satu kelas Pengajian Islam kumpulan membentangkan *triggers* menggunakan rakam video,
- (ii) menggunakan *blackboard* bagi mendapatkan maklumat utama bagi kandungan tugas,
- (iii) melayari internet untuk mendapatkan maklumat tambahan, membuat salinan gambar yang telah diubahsuai dengan menggunakan kemahiran teknologi (contoh: *superimpose*),
- (iv) membuat rakaman gambar dan lakonan serta membuat penyuntingan gambar atau video.

Laporan yang telah siap perlu dibentang secara ringkas dan menarik. Oleh itu pelajar akan menggunakan program-program yang dapat menjadikan kandungan pembentangan menarik dan jelas. Antaranya menggunakan:

- (i) flash
- (ii) power point

## **6.0 SKOP PENGAJIAN ISLAM**

Berdasarkan konsep Pengajian Islam yang telah dibincangkan, maka skop pengajian Islam dalam pengajaran dan pembelajaran di Universiti Tun Hussein Onn



(UTHM) meliputi: Islam sebagai ad-deen bersumberkan nas wahyu iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah; ii) Sumber rujukan dalam Islam; iii) Pengajian Ulum Al-Quran dan Ulum Al-Hadith; iv) Aqidah Ahli Sunnah wal-Jamaah; v) Aliran pemikiran aqidah dan perbahasannya; vi) Perkembangan mazhab fiqh dan perbahasannya; vii) Prinsip muamalat Islam; viii) Maqasid Syariah dan undang-undang jenayah Islam; ix) Etika kerja Islam; dan x) Undang-undang kekeluargaan Islam. Skop pengajian Islam juga meliputi pelbagai isu-isu semasa dan kontemporari seperti isu murtad, seks luar nikah, aurta menurut Islam, penyalahgunaan dadah, ajaran sesat, penceraian, kes buang bayi, isu syiah, isu negara-negara Islam seperti Mesir, Syiriah, Lubnan dan lain-lainnya.

Dalam hal ini, pembelajaran dan pengajaran subjek Pengajian Islam merupakan asas utama yang bersumberkan pada Al-Quran dan Al-Sunnah. Menurut ajaran Islam, al-Quran ialah wahyu Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. melalui perantaraan malaikat Jibril yang sampai ke zaman sekarang secara mutawatir. Perihal diturunkan Al-Quran mempunyai kaitan rapat dengan Lailatul Qadar. Al-Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad secara beransur-ansur dalam tempoh 23 tahun.

Firman Allah SWT dalam surah al-Hijr, ayat 9 :

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Maksudnya :

*"Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan adz-Dzikir (Al-Qur'an), dan kamilah yang akan menjaganya"*

Antara aspek yang ditekankan dalam pembelajaran dan pengajaran subjek Pengajian Islam ialah memperkenalkan teori, konsep dan falsafah Pengajian Islam, antara sub subjek yang dipertekankan ialah mengenai sejarah pembukuan Al-Quran dan al-Sunnah. Kitab suci yang diturunkan oleh Allah s.w.t kepada RasulNya Muhammad s.a.w adalah merupakan sebuah kitab yang terkandung di dalamnya wahyu dan pengajaran daripada Allah untuk memandu hidup manusia di dunia dan akhirat. Sebagai nabi dan rasul yang terakhir Nabi Muhammad s.a.w juga menerima wahyu yang terakhir dan kitab al-Qur'an adalah kitab yang terakhir diturunkan oleh Allah kepada manusia. Perkataan "Qur'an" berasal daripada akar kata bahasa Arab *qara'a* yang bermaksud "baca" dan Qur'an membawa maksud "(bahan) yang

*dibaca*". Bagaimanapun apabila disebut al-Qur'an ianya bukan merujuk kepada sebarang bahan yang boleh dibaca tetapi kepada sebuah kitab yang terkandung di dalamnya "Kalam Allah yang diwahyu kepada Nabi Muhammad s.a.w melalui Jibril a.s dalam bentuk makna dan perkataan serta disampaikan kepada manusia dalam bentuk mutawatir secara sebutan dan tulisan, tidak boleh sama sekali ditiru dan terjaga akan kemurniaannya oleh Allah s.w.t hingga hari kiamat." Terdapat nama-nama lain yang dirujuk bagi kitab ini seperti *al-Furqan* (pembeza), *al-tanzil* (yang diturunkan), *al-zikr* (pemberi peringatan) dan *al-kitab* (satu kitab). Gelaran-gelaran lain yang diberi kepada al-Qur'an adalah seperti *nur* (cahaya), *huda* (petunjuk), *rahmah* (memberi kerahmatan), *majid* (agung), *mubarak* (yang diberkati), *bashir* (pemberi berita gembira), *nazir* (pemberi peringatan) dan lain-lain lagi. Kitab al-Qur'an mengandungi 114 surah yang kebiasaannya dirujuk sama ada sebagai surah *Makkiyah* ataupun *Madaniyyah* iaitu berdasarkan tempat atau waktu penurunannya. Daripada sejumlah 114 surah tersebut dibahagikan kepada 30 juzuk.

## **7.0 PENAWARAN KURSUS**

Secara khususnya, beberapa program ijazah sarjana muda, menawarkan sejumlah subjek yang khusus bertajuk "Pengajian Islam". Contohnya, program Sarjana Muda Kejuruteraan elektronik dan Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal menawarkan subjek Pengajian Islam sebagai subjek teras. Dalam buku panduannya, tercatat Rancangan Pembelajaran Pengajaran (RPP) Pengajian Islam sebagai berikut:

### **- MATLAMAT (GOALS):**

Matlamat pengajaran ini adalah untuk memantap dan mengukuhkan pengetahuan Islam bagi melahirkan modal insan yang berpegang teguh dengan ajaran Islam yang syumul dan mampu melaksanakannya dalam kehidupan secara individu dan kolektif.

### **- SINOPSIS (SYNOPSIS):**

Kursus ini menerangkan tentang konsep Islam sebagai al-Deen. Skop perbincangannya meliputi pengajian al-Quran dan al-Hadith; Akidah Ahli Sunnah wal Jamaah; aliran pemikiran akidah; perkembangan mazhab Fiqh; prinsip muamalat; Undang-undang Jenayah Islam; etika kerja dalam Islam; isu-isu dalam Undang-undang kekeluargaan Islam serta isu-isu semasa.

- HASIL PEMBELAJARAN (*LEARNING OUTCOMES*):

Setelah mengikuti (kursus ini), pelajar dapat:

- (1) menerangkan dengan tepat asas-asas Pengajian Islam menerusi topik-topik yang dipelajari menurut al-Quran dan al-Sunnah (C2:PLO1)
- (2) menilai isu-isu semasa berkaitan ajaran sesat, muamalat, jenayah, dan kekeluargaan berdasarkan perspektif Islam (P2:PLO3)
- (3) menunjukkan nilai etika kerja Islam dalam melaksanakan tugas yang diberi (A3:PLO8)

*“Kursus ini membincangkan persoalan yang berkaitan dengan Islam sebagai ad-deen, sumber rujukan Islam, dan pengajian ulum al-Quran dan ulum al-Hadiths. Selain itu, kursus ini juga turut membincangkan mengenai aqidah ahli sunnah wal jamaah, aliran pemikiran aqidah dan perbahasannya, dan perkembangan Mazhab Fiqh dan perbahasannya serta prinsip muamalat Islam. Maqasid syariah dan undang-undang jenayah islam, etika kerja dalam Islam, serta undang-undang kekeluargaan Islam juga merupakan persoalan-persoalan lain yang turut dibincangkan dalam kursus ini. Kursus ini juga meliputi pembentangan tugas yang dilaksanakan secara kerja berkumpulan dalam kalangan pelajar.*

Selain itu, tercatat beberapa rujukan

**Rujukan Utama :**

- (1) Harun Din (Dr.) (2001), *Manusia Dan Islam*, cetakan pertama, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (BP174. M36 1990)
- (2) Ismail Haji Ali, (1995), *Pengertian dan Pegangan Iktikad yang benar: Ahli Sunnah Wal Jamaah*: Kuala Lumpur: Penerbitan al-Hidayah. (BP166.78. P46 1995)
- (3) Mustafa Abdul Rahman (1998), *Hadith 40*, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar. (BP135. A2 M87 1998)
- (4) Mustafa Haji Daud (1989), *Institusi Kekeluargaan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka dan Bahasa. (BP188.3. F3.M87 1989)
- (5) Paizah Haji Ismail (1991), *Undang-undang Jenayah Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Islam, Angkatan Belia Islam Malaysia. (BP144. P35 1991)

**Rujukan Lain :**

- (1) Abdur Rahman I.DoI (1995), *Undang-undang Syariah*, terjemahan Rohani Abdul Rahim, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (BP173.6. A72 1995)
- (2) Adnan Alias (2002), *Keusahawanan Islam*, Kuala Lumpur: Prentice Hall. (BP173.75. A36 2002)

- (3) Muhammad Sulaiman Haji Yasin (1988), *Pengantar Aqidah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (BP166. M67 1984)
- (4) Muhammad Ahmad Abdul Jawwad (2000), *Pengurusan Yang Profesional Dalam Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit Berlian. (BP173.77. J39 2004)
- (5) Mohammad Muslehudin (1989), *Insuran dan Hukum Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (BP190.5. I67 M65 1989)
- (6) Mustafa Hj. Daud (1996), *Tamadun Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distribution. (D199.3. M88 1999)
- (7) Khaliq Ahmad (2006), *Managment From Islamic Perspective*, Kuala Lumpur: Penerbit UIA. (BP190.5. M28.K42 2006)

Penelitian ini juga mendapati bahawa kajian ini nantinya akan menjadi rujukan penting. Ia juga sudah pasti menjadi rujukan pilihan pertama di kalangan pelajar Melayu-Muslim kerana karya ini akan menjadi *Rool Model* bagi subjek-subjek yang lainnya. Dengan itu, dapat dirumuskan bahawa pemetaan Subjek Pengajian Islam yang dikerangkakan mempunyai pengaruh yang besar terhadap para pelajar yang dapat membina jati diri berteraskan akhlak mulia.

## **8.0 CABARAN PENGAJIAN ISLAM DI UTHM**

Islam adalah agama yang sentiasa menghadapi cabaran. Berikutan itu, segala yang lahir daripada Islam, termasuk pemikirannya dan pengajian pemikiran tersebut, tidak dapat tidak berhadapan dengan cabaran, sama ada dari luar atau dalam. Antara cabaran yang dihadapi oleh Pengajian Islam adalah pemahaman pemahaman terhadap konsep Pengajian Islam dan dan kurangnya penghayatan ilmu pengajian Islam bagi pelajar yang berlatar belakangkan pengajian kejuruteraan, teknikal dan teknologi.

Berkaitan dengan hal ini juga, Pengajian Islam di Malaysia berhadapan dengan cabaran pensyarah yang telah menganut satu-satu aliran tertentu dalam pemikiran Islam sama ada dalam konteks klasiknya seperti Syiah atau Muktazilah atau dalam konteks semasanya seperti fundamentalis atau modenis. Dengan itu, pensyarah sedemikian tidak dapat berlaku adil terhadap aliran utama Pengajian Islam di Malaysia dan Nusantara yang berteraskan Sunni tradisional. Tambahan pula, pensyarah berkenaan mungkin terjerumus ke dalam perbincangan antara firqah Islam klasik yang mengulang-ngulangi kembali persoalan klasik yang tidak pernah selesai. Selain itu, tidak dinafikan akan muncul amalan pengajaran-pembelajaran yang

bersifat pendoktrinasian secara tidak langsung berikutan anutan pensyarah terbabit. Walaupun secara sedar, pensyarah berkenaan sudah pasti tidak mahu melakukan pendoktrinasian kerana ia adalah amalan yang tidak baik dalam pendidikan kerana boleh membawa kepada risiko taklid dan dari suatu sudut lain boleh mengakibatkan keresahan pemikiran di kalangan ahli aliran utama; tetapi, jika dilihat dari suatu sudut lain pula, ia adalah perkara yang baik dalam usaha percambahan pemikiran yang lebih luas.

## **9.0 PENUTUP**

Berdasarkan keterangan dan penjelasan di atas, Pengajian Islam di UTHM mengambil tempat yang lebih baik, sama ada dari segi sumber, pengajar, pelajar, institusi yang menawarkan dan mendapat sambutan daripada masyarakat awam. Selain daripada bertambahnya bilangan mereka yang berminat mengajar dan belajar serta mengadakan kajian dan penyelidikan mengenainya, bidangnya semakin meluas dalam aspek semasa.